

Pusat kegiatan warga emas dibina



Iskandar (tiga, kanan) bersama pemimpin masyarakat melawat tapak Pusat Kegiatan Warga Emas di Taman Nirwana.

TAMAN NIRWANA – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) giat membina Pusat Kegiatan Warga Emas di Taman Nirwana, di sini.

Adun Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, tapak pusat tersebut adalah bekas tapak restoran yang tidak disambung lesen pendudukan sementaranya oleh Kerajaan Negeri Selangor.

“Reka bentuk pusat ini adalah daripada MPAJ, apa-

bila siap ia akan dilengkapi dengan gelanggang refleksologi dan mesin senaman,” katanya.

Beliau berkata, pembinaan pusat itu adalah melalui peruntukan Adun Chempaka, MPAJ dan anak syarikat kerajaan negeri.

“Kos pembinaan dianggarkan RM87,000, ia dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun depan, kita akan melakukan beberapa lagi

penambahan secara berperingkat untuk keselesaan warga emas,” katanya.

Katanya, pihaknya sedia maklum aduan berkaitan tiada tempat khusus untuk warga emas melaksanakan aktiviti.

“Taman permainan kanak-kanak memang banyak di kawasan Dun Chempaka, oleh itu saya berharap mewujudkan pusat kegiatan warga emas,” katanya.